



ASEAN ASIA EROPAH AMERIKA AFRIKA LAIN-LAIN (DUNIA)

AD

Pencemaran udara dikaitkan dengan 135 juta kematian pramatang

Jun 10, 2024 @ 8:17pm



Sebuah pesawat turun bagi mendarat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Chiang Mai, ketika pencemaran udara yang tinggi di Chiang Mai, Thailand. -

Foto AFP

SINGAPURA: Universiti Teknologi Nanyang (NTU) Singapura mendakwa pencemaran udara dikaitkan dengan kira-kira 135 juta kematian pramatang di seluruh dunia antara 1980 hingga 2020.

Kajian universiti itu mendedahkan bahawa fenomena cuaca seperti El Nino dan fasa positif Dipole Lautan Hindi (IOD) telah memburukkan lagi kesan pencemaran berkenaan dengan meningkatkan kepekatan pencemaran di udara.

Zarah-zarah kecil yang dikenali sebagai zarah 2.5 atau 'PM 2.5' adalah berbahaya kepada kesihatan manusia kerana ia cukup halus untuk disedut dan mudah memasuki saluran darah.

Pencemaran udara berpunca daripada pelepasan asap industri dan kenderaan selain punca semula jadi seperti kebakaran dan ribut debu.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- 10 juta rakyat Thailand dirawat untuk masalah kesihatan pencemaran
- Dhaka catat indeks kualiti udara tercemar dunia

- **Mumbai teruskan aktiviti tertentu walaupun pencemaran teruk**
- **Gunung Ruang: Tiada keperluan penduduk Sabah pakai pelitup muka**
- **Hanoi dahului senarai bandar paling tercemar**
- **Hanoi bandar paling tercemar di dunia**
- **Obesiti, kencing manis punca utama kesihatan merosot**
- **Kabinet Thailand luluskan Akta Udara Bersih**

Kajian berkenaan mendapati bahawa ramai orang mati pada usia lebih muda berbanding jangka hayat akibat penyakit atau keadaan yang boleh dirawat atau dicegah, termasuk serangan strok, penyakit jantung dan paru-paru serta kanser.

Kajian itu turut mendedahkan corak cuaca telah meningkatkan kematian sebanyak 14 peratus.

Asia merekodkan jumlah kematian pramatang tertinggi disebabkan oleh pencemaran berkenaan iaitu lebih 98 juta orang, kebanyakannya di China dan India.



Pandangan pencemaran udara kritikal dengan lapisan asap tebal dan pelepasan asap lain di Bandaraya Guatemala. - Foto AFP

Pakistan, Bangladesh, Indonesia dan Jepun juga mempunyai sejumlah besar kematian pramatang, antara 2 hingga 5 juta orang.

Kajian itu adalah antara yang paling meluas setakat ini mengenai kualiti udara dan iklim dengan menggunakan data selama 40 tahun bagi memberikan gambaran besar mengenai kesan bahan zarah terhadap kesihatan.

Profesor Sekolah Alam Sekitar NTU yang mengetuai kajian berkenaan, Steve Yim, berkata kajian berkenaan menunjukkan bahawa perubahan iklim boleh memburukkan lagi pencemaran udara.

"Apabila peristiwa iklim tertentu berlaku, seperti El Nino, tahap pencemaran boleh meningkat dan akan menyebabkan lebih ramai orang mungkin mati lebih awal kerana pencemaran PM 2.5.

"Perkara itu mencetuskan keperluan untuk memahami dan mengambil kira corak perubahan iklim untuk menangani pencemaran udara bagi melindungi kesihatan penduduk dunia," katanya.

Pasukan penyelidik berkenaan mengkaji data satelit daripada Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) Amerika Syarikat (AS) mengenai tahap bahan zarah di atmosfera bumi.

Mereka menganalisis statistik kematian akibat penyakit yang dikaitkan dengan pencemaran daripada Institut Metrik dan Penilaian Kesihatan yang berpangkalan di AS. - AFP